

# **CORPORATE VENTURE APPLICATION**

**GET IT FROM PLAY STORE  
ONE TOUCH DOCUMENT FINDINGS**



**BY : NORHAYATI BINTI JAMIL**

**POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH, PSAS**

**SCAN ME**

eISBN 978-967-2409-16-8



9 789672 409168



**SCAN ME**

Diterbitkan oleh:

Politeknik Sultan Azlan Shah

Behrang Stesen

35950 Behrang, Perak

Tel : 05-4544431

Fax:05-4544993

Email: <http://www.psas.edu.my>

2020. Hak Cipta Terpelihara

*Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, illustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua samaada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Politeknik Sultan Azlan Shah*

## PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

eISBN 978-967-2409-16-8



Dicetak oleh :

Politeknik Sultan Azlan Shah

## PRAKATA

Alhamdulillah. Dengan rasa rendah dirinya, saya panjatkan rasa penuh kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t. yang telah menganugerahkan kekuatan, ilham dan inayah-Nya kepada saya dan sahabat-sahabat untuk mengemaskinikan dan menyusun Buku Panduan Penggunaan Inovasi Aplikasi “Corporate Venture” ini.

Sesungguhnya segala ilmu pengetahuan dan kebaikan yang terdapat dalam nota ini bukanlah datang dari ilmu kami tetapi semuanya datang dari Allah s.w.t. yang Maha luas ilmu-Nya

Sememangnya buku panduan ini tidak begitu lengkap dan banyak kekurangannya. Walaupun begitu, andaikata ada manfaatnya, kami hadiahkan pahalanya kepada ibubapa kami yang telah banyak memberi dorongan kepada kami untuk memahami erti kehidupan ini. Juga kepada guru-guru kami yang banyak berjasa kepada kami. Tidak lupa juga kepada pasangan hidup kami dan anak-anak kami yang tersayang.

*“Ya Allah, terimalah usaha kecil kami ini. Jauhkan perasaan hati ini dari tujuan-tujuan yang lain selain dari kerana mengharap keredhaan-Mu. Kami mohon keampunan-Mu Ya Allah, sesungguhnya Engkaulah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

Sebarang teguran dan pembetulan dari semua pihak dalam memperbaiki kesilapan dan kesalahan di dalam nota ini amat dihargai.

Akhir kata saya ucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat dan rakan sekerja yang sama-sama mengambil inisiatif sehingga buku panduan ini dapat disiapkan. Sesungguhnya, segala yang baik itu datangnya dari Allah dan segala kesalahan itu datangnya dari kelemahan diri kami yang dhaif ini.

Wassalam

Salam hormat

Norhayati Binti Jamil  
Politeknik Sultan Azlan Shah  
[yati@psas.edu.my](mailto:yati@psas.edu.my)

# ISI KANDUNGAN

## BIL. PERKARA

- Biodata Penulis
- 1. Pengenalan
- 2. Rasioanal
- 3. Objektif Penghasilan Bahan
- 4. Sasaran Pengguna

5. Impak Bahan Multimedia Yang Dihasilkan

6. Perisian Yang Digunakan

7. Manual Penggunaan Aplikasi

8. Analisis Dapatan kepuasan pengguna

9. Kesimpulan

10. Cadangan dan Penambahbaikan

11. Bibliografi

## LAMPIRAN

## MUKA SURAT

1

2

2

3

3

4

5

6 – 18

19 – 27

28

29

30

31 - 33

## BIODATA PENULIS



Norhayati Jamil (42) adalah seorang pensyarah di Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak dan mempunyai pengalaman mengajar 16 tahun. Beliau adalah kelahiran Pontian Kecil, Johor.

Norhayati merupakan graduan aliran Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi MARA, UiTM dan menyambung pengajian di peringkat Sarjana TVET di Universiti Tun Hussien Onn, UTHM .

Norhayati telah membina sistem LDpro sebelum ini bagi tujuan memudahkan pengisian pemarkahan projek akhir pelajar dengan mengikut rubrik yang betul semasa di Jabatan Kejuruteraan Awam.

Beliau juga telah menerbitkan beberapa penulisan seperti Buku Panduan 1L5G, Buletin Alumni PSAS Edisi 1, Buletin Alumni PSAS Edisi 2, Modul DBM10013: Matematik Kejuruteraan 1 serta Modul Professioanal IBS (Modul 01 – 05).

Norhayati telah membentangkan hasil penyelidikan dan inovasi di seminar peringkat antarabangsa dan kebangsaan dan telah memenangi beberapa anugerah emas, perak dan gangsa.

## **1.0 PENGENALAN**

Aplikasi 'Corporate Venture' ini di bina adalah bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di PSAS, pihak industri dan alumni PSAS.

Ia juga adalah bertujuan untuk memudahkan pengumpulan data dan maklumat juga dapat dilakukan menerusi aplikasi 'Corporate Venture' ini bagi memudahkan data tersebut digunakan bagi tujuan pengauditan dan pencapaian KPI CISEC, PSAS.

## **2.0 RASIONAL**

Sebelum adanya aplikasi 'Corporate Venture' ini, pihak CISEC mengalami kesukaran untuk menyampaikan maklumat dengan membuat penerangan melalui pembentangan dan pemakluman di mesyuarat pengurusan kepada ketua-ketua jabatan , pegawai-pegawai, alumni dan pihak industri yang dilaksanakan beberapa kali. Pengumpulan data dan dokumen pelaporan juga amat sukar diperoleh daripada pihak jabatan dan unit serta alumni PSAS.

Oleh yang demikian, aplikasi 'Corporate Venture' ini dibina khusus bagi memudahkan penyampaian maklumat dan pengumpulan data serta maklumat yang diperlukan di peringkat CISEC, PSAS. Ini adalah bagi memudahkan proses perkongsian dokumen atau maklumat bagi tujuan pengauditan dan pencapaian KPI CISEC, PSAS.

## **3.0 OBJEKTIF PENGHASILAN BAHAN INOVASI**

- 3.1 Memudahkan capaian maklumat penting kepada pegawai PSAS yang terlibat bagi pemahaman prosedur setiap proses kerja kolaborasi , Penasihat Industri, IAC, CEO@PolyCC dan Alumni.
- 3.2 Memudahkan capaian maklumat penting kepada alumni PSAS yang terlibat bagi pemahaman prosedur setiap proses Alumni.
- 3.3 Memudahkan capaian maklumat penting kepada pihak industri yang terlibat bagi pemahaman prosedur setiap proses kerja kolaborasi , Penasihat Industri, IAC, CEO@PolyCC
- 3.4 Memudahkan *admin* CISEC memperoleh data dan maklumat terkini daripada pihak yang terlibat.

## **4.0 SASARAN PENGGUNA**

Keutamaan kepada pegawai PSAS , Alumni PSAS dan pihak industri yang memerlukan capaian maklumat secara pantas dan mengemaskini maklumat dengan mudah pada aplikasi 'Corporate Venture' yang telah dibangunkan ini.

## 5.0 IMPAK BAHAN MULTIMEDIA YANG DIHASILKAN

Memudahkan penyampaian maklumat kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di PSAS, pihak industri dan alumni PSAS.

Selain daripada itu, memudahkan mendapatkan maklumat secara pantas bagi tujuan pengauditan dan pencapaian KPI CISEC, PSAS. Telefon bimbit amat penting bagi setiap individu pada masa kini. Oleh yang demikian, pengguna tidak perlu untuk membuka komputer atau mencari helaian dokumen dengan membuka fail-fail yang diperlukan. Dengan aplikasi 'Corporate Venture' yang telah dibangunkan ini ia mudah di bawa ke mana-mana dengan hanya perlu memuatnaik aplikasi 'Corporate Venture' dan semuanya akan menyenangkan hati para pengguna.

## 6.0 PERISIAN YANG DIGUNAKAN

Perisian yang digunakan bagi membangunkan aplikasi ini adalah 'Kodular' untuk membina aplikasi telefon bimbit yang interaktif . Selain itu 'Firebase' juga digunakan dalam aplikasi ini sebagai pengstoran fail yang akan di upload oleh pengguna. 'Google Form' digunakan bagi pembinaan soal selidik kepuasan pengguna dan analisis dapatan.

Setelah aplikasi ini siap dibina dan di ujilari, aplikasi ini diterbitkan ke 'playstore' bagi memudahkan semua pengguna ( seluruh dunia) menggunakan aplikasi tersebut.

## 7.0 MANUAL PENGHASILAN BAHAN

Maklumat yang banyak dan serta pemakluman kepada semua staf yang memerlukan maklumat secara pantas dan betul amat penting supaya pelaksanaan tugas berjalan lancer dan berkesan. Pemakluman dokumen atau info yang di kongsikan sebelum ini menerusi email kepada individu yang terlibat amat mengecewakan saya apabila ianya diminta berkali-kali untuk dikongsikan. Ini akan menimbulkan rasa penat dan kera yang tidak produktif apabila melakukan sesuatu perkara yang berulang-ulang. Lantaran itu, satu inovasi telah dibuat iaitu menghasilkan aplikasi ‘Corporate Venture’ di mana tujuannya ialah membantu dan memudahkan setiap individu yang memerlukan maklumat secara pantas hanya dengan telefon bimbit (android) dan tak perlu membuka computer untuk mendapatkan maklumat atau dokumen tersebut.



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, pada telefon bimbit android , buka “Play Store” seperti symbol ikon di atas untuk mendapatkan aplikasi ‘CorporateVenture’.



Rajah 2


Berdasarkan Rajah 2 di atas, melalui aplikasi ‘Play Store’, taipkan “Corporate Venture” seperti dalam rajah di atas dan ‘download’ aplikasi tersebut.

Berdasarkan Rajah 3, ini merupakan aplikasi ‘Corporate Venture’ yang telah dimuatnaik pada telefon bimbit dan sedia untuk di gunakan.




Rajah 3

Sekiranya pengguna telah bersedia, sila klik butang ‘Sign Up’ untuk pendaftaran awal dengan memasukkan email dan ‘password’. ‘Sign In’ digunakan setelah selesai “Sign Up” dibuat untuk pendaftaran pertama kali. ‘Guest’ adalah khusus untuk pengguna-pengguna luar yang hanya boleh mengakses paparan tertentu sahaja. Paparan adalah seperti Rajah 4 di bawah.




Rajah 4

Apabila pengguna telah selesai memasukkan email dan ‘password’, pengguna akan dapat mengikuti 5 menu yang aktif iaitu ‘Collaboration’, ‘Industrial Advisory Committee, IAC’, ‘CEO@PplyCC’, Alumni dan ‘Gallery’ seperti yang dipaparkan pada (Rajah 5) .



Rajah 5

Seterusnya ialah paparan Menu Utama ‘Collaboration’ (seperti Rajah 6 di bawah). Di dalam Menu Utama ini, terdapat lima pecahan bahagian mengenai kursus iaitu ‘Terms of Reference’, Report Template’, ‘Flowchart’, ‘High Impact Program’ dan ‘Program done by industries’. Terdapat juga butang ‘back to main menu’. Pengguna boleh klik pada mana-mana butang tersebut.



Rajah 6

Rajah 7 menunjukkan contoh paparan maklumat "IAC Job Scope' dan 'Flow Chart' prosedur pelantikan IAC dan pelbagai lagi maklumat boleh diperolehi daripada setiap menu yang telah disediakan mengikut pilihan pengguna.

Rajah 7

Rajah 8 menunjukkan contoh paparan platform yang disediakan untuk memudahkan pengguna mengisi maklumat terkini bagi alumni PSAS dan data kolaborasi betrsama pihak industri dengan mengisi program yang telah dilaksanakan bersama industri.


Rajah 8

Rajah 9 menunjukkan cara bagaimana sesuatu dokumen yang diperlukan hendak di ‘download’ untuk kegunaan pengguna dan boleh di ‘edit’. Tekan tab ‘Download/Edit’ untuk mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk di ‘edit’.




Rajah 9

Rajah 10 menunjukkan dokumen yang telah di ‘upload’ tadi akan di simpan dalamformat ‘Google Docs’ dan tekan ‘Save as’.




Rajah 10

Rajah 11 menunjukkan dokumen yang akan disimpan dalam pilihan ‘Google Drive’ yang dipilih.



Rajah 11

Rajah 12 menunjukkan fail yang disimpan dalam ‘Google Drive’ pilihan berada dalam simpanan.



Rajah 12

Rajah 13 menunjukkan soal selidik kepuasan pengguna yang menggunakan aplikasi ‘Corporate Venture’ dan analisis dapatan akan di buat setelah pengguna menjawab soal selidik tersebut.

Rajah 13

## 9. ANALISIS DAPATAN KEPUASAN PENGGUNA

Enam (6) item menggunakan skala likert telah dibina dan satu (1) item soalan pendek dibina bagi cadangan penambahbaikan atau komen.


Bagi item skala likert menunjukkan skala 1 adalah sangat tidak setuju, 2 adalah tidak setuju, 3 adalah memuaskan, 4 adalah setuju dan 5 adalah sangat setuju.

Sasaran responden untuk edaran soal selidik ini adalah kepada pihak pengurusan PSAS, Penyelaras CISEC jabatan , Persatuan Alumni, wakil industri yang telah menggunakan aplikasi ‘Corporate Venture’ yang telah dibina ini. Seramai 40 responden terpilih telah menjadi sampel bagi soal selidik ini.

Soal selidik ini dibuat melalui ‘Google Drive’ dan dimuatnaik pada paparan hadapan aplikasi ‘Corporate Venture’.

Rajah 14 menunjukkan analisis bagi item 1 : ‘How likely is it that you recommend this apps to a friend or colleague?’

How likely is it that you recommend this apps to a friend or colleague?  
40 responses




Rajah 14 19

Melalui graf analisis yang diperolehi, 38 responden (95%) sangat setuju dan 2 responden (5%) setuju agar aplikasi ‘Corporate Venture’ diperluaskan penggunaannya kepada warga PSAS.

Rajah 15 menunjukkan analisis bagi item 2 : ‘Easy to find the information’.

Easy to find the information.




Rajah 15

Melalui graf analisis yang diperolehi, 35 responden (94.6%) sangat setuju dan 2 responden (5.4%) setuju bahawa maklumat yang diperlukan mudah diperolehi dengan menggunakan aplikasi ini.

Rajah 16 menunjukkan analisis bagi item 3 : ‘The application development are user friendly’.


The application development are user friendly  
37 responses



Rajah 16

Melalui graf analisis yang diperolehi, 35 responden (94.6%) sangat setuju dan 2 responden (5.4%) setuju bahawa pembangunan aplikasi ini adalah mesra pengguna.


Rajah 17 menunjukkan analisis bagi item 4 : 'New way to retain users visit'.



Rajah 17

Melalui graf analisis yang diperolehi, 36 responden (92.3%) sangat setuju , 2 responden (5.1%) setuju dan 1 responden (3%) memuaskan menunjukkan bahawa pembangunan aplikasi ini merupakan kaedah baru untuk mengekalkan lawatan pengguna.


Rajah 18 menunjukkan analisis bagi item 5 : 'Attractive banner'.



Rajah 18

Melalui graf analisis yang diperolehi, 34 responden (91.9%) sangat setuju dan 3 responden (8.1%) setuju bahawa aplikasi mempunyai rekabentuk dan paparan yang menarik.

Rajah 19 menunjukkan analisis bagi item 6 : ‘Easy to navigate’.



Rajah 19

Melalui graf analisis yang diperolehi, 28 responden (93.3%) sangat setuju dan 2 responden (6.7%) setuju bahawa aplikasi yang dibina ini mudah untuk dilayari.

Rajah 20 menunjukkan analisis bagi item 7 : ‘Suggestions for improvement’.

Suggestions for improvement	
32 responses	
Good luck	
The apps is responsive, good graphic & nice colour combination.	
Button display boleh di kecilkan agar nampak paparan fullscreen	
Good	
Aplikasi yang memudahkan kami di PSAS untuk mendapatkan maklumat yang cepat mengenai dokumen Kolaborasi, IAC, Alumni dan lain2	
A very interactive and useful apps	
Aplikasi ini sangat memudahkan pihak jabatan mendapatkan maklumat bagi mencapai KPI PSAS	

Suggestions for improvement

32 responses

Great application development...
My
Best
Good luck
The apps is responsive, good graphic & nice colour combination.

Rajah 20

Rajah 21 menunjukkan data yang diperolehi melalui format MS Excel .

B	C	D	E	F	G	H
1 Email Address	How likely is it that you n	Easy to find the informati	The application developm	New way to retain users \ Attractive banner	Easy to navigate	
2 appieneeo@yahoo.com.n	5	5	5	5	5	5
3 ninaserimun@gmail.com	5	5	5	5	5	5
4 fathiah8393@gmail.com	5	5	5	5	5	5
5 mohdzaidpsas@gmail.co	5	5	5	5	5	5
6 noorhidayah@psas.edu.n	5	5	5	5	5	5
7 anizasuriati@gmail.com	5	5	5	5	5	5
8 ctaleha04@gmail.com	5	5	5	5	5	5
9 menaven4@gmail.com	5	5	5	5	5	5
10 raishah80@gmail.com	5	5	4	4	4	5
11 hemapolipd@gmail.com	5	5	5	5	5	5
12 noraini8385@gmail.com	5	5	5	5	5	5
13 zamiez_85@gmail.com	4	4	3	4	4	4
14 rajabunesha@gmail.com	4	4	4	4	4	4
15 farah_azura@psas.edu.m	5	5	5	5	5	5
16 nurufazura2002@gmail.c	5	5	5	5	5	5

Rajah 21

Rajah 22 menunjukkan senarai nama pengguna atau responden yang telah menggunakan aplikasi ‘Corporate Venture’ dan telah menjawab soal selidik yang diberi .

### Name

40 responses

Abdul Rahim Bin Selamat

Rosnina bt Judin

fathiah

Mohd Zaid Ismail

Noorhidayah bt ramli

Aniza suriati

Zaleha

Mohammad Al Bukhari Bin Marzuki

NOOR RAISHAH BINTI MD DAGANG

Rajah 22

## 10. KESIMPULAN

Diharapkan dengan adanya aplikasi ‘Corporate Venture’ ini, semua pengguna yang memerlukan maklumat akan memahami proses kerja masing-masing bagi menghasilkan dokumen yang baik dan dapatan tersebut memudahkan pencapaian KPI CISEC, PSAS sekaligus memudahkan proses pengauditan dokumen dijalankan.

Kebanyakan pengguna aplikasi ‘Corporate Venture’ ini berpuas hati dengan pembinaan aplikasi yang memudahkan banyak pihak seperti pihak jabatan, persatuan alumni , CISEC Politeknik Banting dan Politeknik Ungku Omar dan pihak industri. Ada juga responden memaklumkan aplikasi ini sangat responsif, penggunaan grafik yang bagus dan penggunaan kombinasi warna yang menarik.

Untuk jangka panjang, pelbagai usaha lagi perlu dilaksanakan untuk membudayakan *ICT (Information and Communication Technology)* dalam kalangan pihak pengurusan, pegawai-pegawai PSAS , alumni dan rakan industri PSAS. Ini penting untuk meningkatkan lagi mutu proses kerja secara berterusan.

## 11.0 CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Aplikasi ‘Corporate Venture’ ini perlu dibuat beberapa penambahbaikan pada masa akan datang seperti paparan ‘button’ perlu dikecilkan agar nampak paparan ‘full screen’ dan pemilihan warna yang lebih menarik untuk menarik perhatian pengguna.

## 12.0 BIBLIOGRAFI

1. Abd Rahim bin Abd Rashid (2000). *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
2. Gagne (1985). dlm. Mohd Salleh Bin Tahar (1998). *Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepasan Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Master.
3. Jamalludin Harun, Baharuddin Aris, Zaidatun Nasir (2003). *Pembangunan Perisian Multimedia: Satu Pendekatan Sistematis*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.

## LAMPIRAN PENGHARGAAN



PERSATUAN ALUMNI POLITEKNIK  
SULTAN AZLAN SHAH  
Politeknik Sultan Azlan Shah  
35950 Behrang,  
Perak Darul Ridzuan.  
Email: alumnipsas@gmail.com

PUAN NORHAYATI BINTI JAMIL  
KETUA UNIT CISEC,  
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH,  
35950 BEHRANG,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Tarikh: 9 November 2020

Puan,

PER : PENGHARGAAN APLIKASI CORPORATE VENTURE

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami telah menggunakan aplikasi "Corporate Venture" yang telah disediakan oleh pihak puan dan kami dapat segala pengisian pada aplikasi tersebut telah memberi manfaat kepada pihak kami. Segala info-info yang berkaitan dengan aplikasi ini sangat membantu pihak kami dalam mengemaskini segala maklumat alumni.
3. Pihak Persatuan mengharapkan produk intelektual seperti ini akan memberikan nilai tambah kepada semua institusi dalam menjaringkan segala maklumat kepada pengguna aplikasi ini.
4. Persatuan Alumni sangat berharap segala usaha yang telah diberikan oleh puan ini juga dapat dipertingkatkan kepada semua unit dalam pengurusan politeknik. Pihak kami mengucapkan selamat maju dan jaya kepada seluruh usaha yang dikemukakan oleh puan.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

(MOHAMMAD AZIZUL BIN ABD RAHIM)

YANG DIPERTUA,

PERSATUAN ALUMNI POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

## LAMPIRAN PENGHARGAAN

09/11/2020

Mail - yati@psas.edu.my

Re: Apps Corporate Venture

Norhayati Jamil

Mon 11/9/2020 2:10 PM

Sent Items

To:Sri Valli Suppiah <srivalli@polibanting.edu.my>;

Terima kasih di atas penghargaan yang diberikan daripada pihak Cik Sri Valli. Moga aplikasi yang telah dikongsikan dapat digunakan di Politeknik Banting dan memudahkan proses kerja pihak CISEC serta jabatan di Politeknik Banting.

Sekian, terima kasih...

Saya yang menjalankan amanah,

Norhayati Binti Jamil  
Ketua Corporate Industry Services Employability Centre (CISEC)  
Politeknik Sultan Azlan Shah, PSAS  
Tel : 0193551681

---

**From:** Sri Valli Suppiah  
**Sent:** Monday, November 9, 2020 2:06:13 PM  
**To:** Norhayati Jamil  
**Subject:** Apps Corporate Venture

Puan,

Salam sejahtera.

Saya ingin mengucapkan tahniah atas Apps Corporate Venture yang dibangunkan oleh pihak puan. Selepas melayari apps ini, saya mendapati bahawa apps ini sangat berguna kepada semua pihak yang berada di politeknik. Contoh, apps ini boleh dijadikan bahan rujukan bagi KPI Politeknik, PRO, jabatan dan staf. Maklumat tentang senarai industri, CoC, industry on campus dan sebagai dapat membantu pihak politeknik untuk melihat serta merujuk garispanduan yang disediakan dan juga peranan yang boleh dimainkan oleh setiap individu untuk mewujudkan hubungan antara politeknik dengan industri.

Sekali lagi saya dapati apps ini sangat berguna dan boleh digunakan dalam sistem politeknik.

Sekian untuk makluman.

Saya yang menjalankan amanah,

Cik Sri Valli Suppiah  
Ketua Corporate Industry Services Employability Centre (CISEC)  
Politeknik Banting Selangor  
Tel : 0126722190

**From:** Dr. Riam a/p Chau Mai

**Sent:** Wednesday, November 11, 2020 11:32:19 AM

**To:** Norhayati Jamil

**Subject:** PENGGUNAAN APPS CORPORATE VENTURE

Salam sejahtera,

Puan Norhayati

Pertama sekali tahniah dan syabas dari saya di PUO diatas kesudian Puan berkongsikan Apps Corporate Venture tersebut. Berdasarkan pengalaman saya melayari apps tersebut dan selaku Ketua CISEC PUO yang memang menggunakan content yang ada dalam apps tersebut, saya dapati ianya amat membantu tugas harian saya. Pegawai-pegawai kolaborasi saya di jabatan akademik sudah tentu boleh menggunakan apps ini sepenuhnya dan boleh membantu mereka terutama bila berurusan dengan Ketua Jabatan, ketua Program atau lain-lain pensyarah yang ingin membuat kolaborasi.

Selain itu, bahan-bahan yang diupload dalam apps ini juga amat menyeluruh dan boleh dicapai dimana-mana oleh pegawai yang menggunakaninya. Kelebihan apps ini ialah ia amat "user friendly" dimana bukan sahaja kami boleh melayarinya tetapi juga boleh download dan menggunakan borang-borang yang disediakan. Saya boleh katakan ianya seolah-olah sebagai "one-stop" centre kepada pegawai-pegawai kolaborasi, kerjaya dan PRO dan juga sesiapa yang akan berkolaborasi dengan industri luar.

Oleh itu saya menyarankan supaya penggunaan apps ini boleh diperluaskan lagi ke lain-lain institusi yang relevan terutamanya CISEC Politeknik Malaysia.

Sekian, tahniah dan syabas sekali kepada Puan Norhayati. Terimakasih.

<https://webmail.1govuc.gov.my/owa/#path=/mail/inbox>

1/2

11/11/2020

Mail - yati@psas.edu.my

Dr Riam Chau Mai,  
Head of Corporate, Industrial Service & Employability Centre (CISEC)  
Politeknik Ungku Omar  
31400 Ipoh  
Perak  
ext 1010  
Mobile 013 3886721



**SILA TEKAN LINK "YOUTUBE" DI BAWAH UNTUK MELIHAT PANDUAN  
PENGGUNA APLIKASI "CORPORATE VENTURE"**

<https://www.youtube.com/watch?v=K4Y0h-c-5Ts&t=205s>

